

Kosmo 20/3/07 M15 10

# Tanam al-Quran di Kutub Utara

**KUALA LUMPUR** – Penjaja negara, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir (**gambar**) akan menanam senaskhah al-Quran kecil dalam misinya ke Kutub Utara sebagai bukti orang Islam mampu melakukan sesuatu yang bersejarah.

Naskhah kitab suci itu akan ditanam sejeurus berjaya menyempurnakan Ekspedisi Kutub Utara yang bermula 4 April ini.

Katanya, idea itu datang ketika beliau menjalani latihan persediaan misi tersebut dan memikirkan apakah tanda yang berharga untuk ditinggalkan selepas menamatkan ekspedisinya.

Menurutnya, naskhah al-Quran itu pemberian guru agamanya yang selama ini banyak memberi tunjuk ajar dalam persiapan untuk misi itu.

"Ia juga misi pertama yang dilakukan oleh orang Islam dan saya bangga memikul tugas tersebut," katanya sambil memberitahu cadangan menanam al-Quran itu dipersetujui beberapa pakar agama yang ditemuinya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui ketika membuat kunjungan ke pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di Jalan



**SHARIFAH MAZLINA** memegang poskad ekspedisinya ke Kutub Utara di pejabat Utusan di Kuala Lumpur semalam.

Chan Sow Lin, di sini semalam.

Pensyarah Psikologi Sukan, Fakulti Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan berjaln kaki dalam ekspedisi tersebut yang dijangka dapat ditamatkan dalam masa

dua minggu.

Pada 9 Disember 2004, beliau berjaya merentasi Antartika sejauh 1,110km dalam tempoh 22 hari, dua hari lebih awal daripada rekod seorang lelaki warg Britain.